

# BAHASA MELAYU DI PULAU KOKOS: SUATU TINJAUAN SOSIOLINGUISTIK

*Raja Masittah Raja Ariffin  
Che Ibrahim Haji Salleh*

## **Abstrak**

Kajian ini memerikan fenomena sosiolinguistik bahasa Melayu di Pulau Kokos, khususnya di Pulau Home yang terletak di Lautan Hindi, di luar kawasan dunia Melayu. Kajian ini berdasarkan pendekatan kualitatif dan memberikan fokus kepada lima aspek: susur galur dan sejarah penghijrahan orang Melayu ke Pulau Kokos; sistem panggilan dalam kalangan Melayu Kokos; leksikal dan istilah dalam bahasa Melayu yang digunakan di Pulau Kokos. Wawancara dan temu bual dibuat dengan mengemukakan soalan terbuka untuk mendapatkan respons daripada informan; dan kaedah pemerhatian turut serta digunakan dalam kajian ini. Sejumlah 60 orang informan yang terdiri daripada orang Melayu Kokos dan orang kulit putih Australia telah ditemu bual dari 2–10 Mei 2004 di Pulau Home. Kerangka teori tipologi kawasan penyebaran bahasa telah diterapkan dalam kajian ini.

## **Abstract**

*This study describes the sociolinguistic phenomenon of the Malay language in the Cocos Islands, especially in the Home Island, which is located in the Indian Ocean and is outside the region of the Malay world. The study is based on the qualitative approach and focuses on five aspects: the genealogy and history of the Malays who migrated to the Cocos Islands; the forms of address among the Malays; the lexical and terminological forms of the Malay language used by the Malays in the Cocos Islands. Interviews with open-ended questions were constructed to elicit responses from the informants and participant,*

*observations were also carried out, in order to obtain data. A total of 60 informants comprising of local Malays and white Australians were interviewed from 2nd – 10th May 2004 in the Home Island. A typology framework area of language diffusion was applied in this study.*

## PENGENALAN

Pulau Home yang dikenal juga sebagai Pulau Selma merupakan salah sebuah pulau yang menjadi petempatan orang Melayu Kokos sejak tahun 1826. Pada tahun tersebut, pulau ini terletak di bawah pemerintahan individu yang bernama John Clunies-Ross yang berasal dari Scotland yang berkuasa penuh terhadap masyarakat Melayu Kokos di pulau tersebut. Kedatangan orang-orang Melayu ke Pulau Kokos dibahagi kepada dua kategori, iaitu sebagai hamba yang dibawa masuk dari Indonesia, iaitu dari Pontianak, Banjarmasin, Madura, Jawa dan Papua New Guinea, dan yang lain-lain oleh Alexander Hare dan pembantunya John Clunies-Ross, khususnya untuk dikerah bekerja sebagai pengopek kelapa. Satu kategori lagi terdiri daripada mereka yang datang kemudian dari tarikh itu secara sukarela yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari Malaysia (Tanah Melayu pada ketika itu), orang Cina, India dan Inggeris.

Pulau Kokos diletakkan di bawah pemerintahan Australia pada tahun 1955, dan pada tahun 1974, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan pungutan suara dalam kalangan orang Melayu Kokos dengan memberikan pilihan kepada penduduk-penduduk Melayu di Pulau Kokos, iaitu sama ada untuk tinggal di bawah pentadbiran Australia, iaitu sebagai rakyat Australia atau pulang ke negara asal mereka. Walaupun terdapat orang Melayu Kokos yang memilih untuk berhijrah ke Pulau Christmas dan ke tanah besar Australia seperti di Katanning, Perth, Geraldton, Port Hedland dan Broome, tetapi tidak kurang pula yang memilih untuk menetap di Pulau Kokos.

Tumpuan kajian ini adalah kepada warga Melayu Kokos yang tinggal di Pulau Home dengan mengaitkan konsep atau prinsip tadahan penyebaran bahasa yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar dalam bukunya *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu* (2005). Penulis meletakkan Pulau Kokos sebagai kawasan bukan teras kerana pulau ini terletak jauh daripada Gugusan Pulau-pulau Melayu, iaitu terletak di luar dunia Melayu. Konsep diaspora juga wujud dalam konteks ini kerana kedatangan awal orang Melayu ke Pulau Kokos pada abad ke-19 adalah secara paksa, dengan menjadikan mereka buruh kasar; sebagai banduan dan hamba.

Selama ratusan tahun mereka hidup dalam keadaan sengsara akibat situasi ekonomi yang amat meleset. Namun, masyarakat Melayu Kokos tetap menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan sehari-hari dari dahulu hingga sekarang. Mereka mengekalkan adat istiadat dan budaya Melayu dan beragama Islam dengan mengamalkan cara hidup Islam. Walaupun kini mereka hidup dalam suasana yang selesa dan generasi mudanya menerima pendidikan arus perdana yang berbahasa Inggeris tetapi orang Melayu Kokos tetap dengan bahasa Melayunya, beragama Islam, bersopan santun dan mengekalkan amalan penggunaan kata panggilan yang unik dalam keluarga dan komuniti Melayu Kokos, iaitu menggunakan sistem teknonim (Asmah, 2004: 91).

### **Pernyataan Masalah**

Sepanjang tempoh orang Melayu Kokos berada di Pulau Home, mereka telah menjalani kehidupan yang penuh dengan onak dan duri, namun sehingga kini mereka mampu mempertahankan penggunaan bahasa Melayu Kokos bukan sahaja dalam lingkungan keluarga dan komuniti Melayu Kokos malah dalam kalangan orang berkulit putih, yang turut mempelajari dan menuturkan bahasa tersebut. Fenomena ini unik sifatnya yang perlu digali dan diselidik sebab-sebab mereka dapat dan mampu melestarikan penggunaan bahasa tersebut. Fenomena ini dapat dihubungkan dengan kenyataan Asmah (2005: 33) tentang tadahan penyebaran bahasa sebagai satu konfigurasi yang mampu memberikan ruang kepada bahasa Melayu untuk hidup dan berkembang melalui organisasi dan sistem sosial masyarakatnya.

Demikian juga dengan penggunaan sistem panggilan dalam kalangan komuniti Melayu Kokos yang terus dipertahankan. Dalam sesuatu organisasi sosial, institusi sosial yang ingin mengenali individu mengikut tatatingkat dalam komunitinya turut mempengaruhi pandangan dunia (*world-view*) anggota masyarakat itu dan seterusnya mempengaruhi difusi bahasa. Kegiatan sosioekonomi juga sebagai tadahan penyebaran bahasa apabila mampu mencipta banyak leksikal, kosa kata atau perbendaharaan kata baharu untuk memenuhi keperluan menamakan sesuatu konsep baharu. Leksikal baharu itu ada yang memperlihatkan persamaannya dengan bahasa Melayu di Malaysia dan tidak kurang pula yang berbeza akibat pengaruh bahasa asing seperti bahasa Belanda, bahasa Inggeris, dan bahasa Portugis. Oleh itu, pewujudan sistem panggilan unik yang menggunakan sistem teknonim dan juga pewujudan konsep-konsep baharu

istilah dan kata leksikal telah menarik penulis untuk mengenal pasti dan menghuraikan fenomena ini.

Penulis turut mengaitkannya dengan konsep tadahan yang dikemukakan oleh Asmah (2005: 45) yang menyatakan bahawa pendidikan juga “adalah tadahan difusi bahasa”, yang dapat memperlihatkan kemampuan orang Melayu Kokos memasyarakatkan dan memupuk bahasa Melayu, bukan sahaja dalam kalangan keluarga dan komunitinya, malah dalam bidang pentadbiran pulau dan pendidikan arus perdana di Pulau Home. Melalui pendidikan menengah dan tinggi dalam bahasa Inggeris yang diterima oleh generasi muda pada hari ini, amat menarik sekali jika dikaji tentang wujudnya anjakan bahasa atau sebaliknya.

Kemampuan mereka melestarikan fenomena ini dihubungkan dengan konsep tadahan penyebaran bahasa yang menurut Asmah bercirikan organisasi dan sistem sosial, pandangan dunianya, kegiatan sosioekonomi, pendidikan, agama dan sistem semiologi.

## **Objektif Kajian**

Objektif kertas kerja ini adalah untuk menelusuri susur galur dan fenomena sejarah kedatangan orang-orang Melayu ke Pulau Kokos; mengenal pasti sistem panggilan dalam kalangan masyarakat Melayu Kokos; dan mendeskripsikan penggunaan leksikal atau kosa kata yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari warga Melayu Kokos.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini berusaha menganalisis dan memerikan bahasa Melayu di Pulau Kokos dari sudut sosiolinguistik dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, menurut pentakrifan oleh para penyelidik yang terkemuka seperti Patton (1989, 2002), Hallinger dan Mc Cary (1990), Glesne dan Peshkin (1992), Wilderman (1993), Denzin dan Lincoln (1994), Bodgan dan Bikelin, dan Taylor dan Bodgan (1998). Patton (1989, 2002: 297) menjelaskan bahawa kaedah penyelidikan kualitatif dapat menghasilkan kajian yang mendalam dan lengkap tentang peristiwa, kes, atau isu-isu yang terpilih, dan berusaha memahami tanggapan perasaan dan pengetahuan seseorang. Kaedah kajian kualitatif menurut Hallinger dan Mc Cary (1990) melibatkan kajian terhadap sesuatu perkara yang perlu menekankan hal-hal yang mendasarinya. Pandangan mereka ini disokong oleh Bodgan dan Bikelin (1998) yang menggunakan istilah

'*context-sensitive*' dan juga Taylor dan Bodgan (1998) yang menegaskan bahawa kaedah kualitatif memberikan tumpuan terhadap peristiwa-peristiwa bermakna yang dialami sendiri oleh seseorang atau kumpulan dalam kehidupan mereka; dan menghuraikan pelbagai realiti dalam latar sosial yang sebenar (Glesne dan Peshkin, 1992). Patton (2002: 290) mengatakan bahawa kajian kualitatif yang merekodkan atau mencatatkan setiap pengalaman individu dan apa-apa yang diketahui dan yang pernah dialami oleh mereka, di samping memahami dunia sosial daripada sudut pandangan informan (Wilderman, 1993) dengan berdasarkan huraian yang mendalam dan amalan-amalan simbolik serta tingkah laku yang dapat diperhatikan. Manakala Denzin dan Lincoln (1994: 20) melihat bahawa penyelidikan kualitatif mengkaji perkara dan peristiwa dalam latar semula jadi, dan mencuba mencari maksud yang wajar dan bermakna, atau menginterpretasikan fenomena yang dialami sendiri oleh subjek yang dikaji. Kaedah yang melibatkan tinjauan dan pemerhatian turut serta, temu bual atau wawancara dengan informan-informan terpilih dapat menghasilkan data yang sahih dan autentik, yang dapat menyokong dan memperkukuh hujah dan analisis kajian.

Data kualitatif penting kerana dapat memerikan masa dan tempat pemerhatian dibuat; merakamkan dan memperoleh pengalaman-pengalaman dunia seseorang melalui pendapat dan kata-kata atau ungkapan daripada informan sendiri; dan juga merakamkan cerita dan peristiwa. Data diperoleh berdasarkan rakaman video digital dan kaset. Wawancara dan temu bual dilakukan secara spontan terhadap informan yang menguasai atau yang arif dalam sesuatu hal dan peristiwa sejarah, bahasa, dan budaya di Pulau Kokos, yang dibahagikan kepada tiga kelompok. Kelompok pertama terdiri daripada informan yang berumur 70 tahun dan ke atas; kelompok kedua meliputi informan yang berusia antara 40 tahun hingga 69 tahun; dan kelompok ketiga ialah mereka yang berada dalam lingkungan umur bawah 40 tahun. Kelompok pertama lazimnya terdiri daripada warga emas yang masih kuat, waras dan mampu memberikan maklumat dan kisah-kisah silam mereka tentang asal usul leluhur mereka dan penghijrahan nenek moyang mereka ke Pulau Kokos. Kelompok kedua merupakan golongan yang masih bersemangat waja, dan melaksanakan tuntutan bahasa, budaya dan agama Islam yang diwarisi daripada leluhur mereka. Kelompok pertama pernah melalui dan mengalami hidup sengsara manakala kelompok kedua telah merasai hidup selesa namun tetap menjaga maruah bangsa dengan berusaha melestarikan bahasa, budaya Melayu dan adat istiadat timur melalui pendidikan tidak formal dan formal yang

diterima, dan seterusnya mendidik dan mewariskannya kepada generasi muda dalam kelompok ketiga. Kelompok ketiga merupakan golongan remaja dewasa, para pelajar sekolah dan kanak-kanak yang kian terdedah dengan pelbagai kemudahan teknologi maklumat dalam era globalisasi hari ini. Kelompok ketiga ini mudah terpengaruh terutamanya apabila mereka menerima pendidikan formal arus perdana di peringkat sekolah menengah dan tinggi yang menggunakan bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, kelompok ketiga ini sentiasa diingatkan oleh orang tua mereka dan dididik supaya mencintai akan bahasa, budaya dan agama Islam. Data-data yang diperoleh secara lisan dan tulisan daripada tiga kelompok umur tersebut saling berkaitan dan melengkapikan untuk memenuhi objektif kajian.

### **Pengumpulan Data**

Beberapa soalan dan matan diajukan kepada informan dan tokoh terpilih secara terbuka dalam suasana santai, bergantung pada peringkat umur informan yang ditemu bual. Temu bual berlangsung secara bersahaja kerana mereka suka mengimbau kembali kisah-kisah lama mereka. Dari suatu peristiwa kepada peristiwa lain yang diceritakan apabila pertanyaan demi pertanyaan dikemukakan sepanjang temu bual itu.

### **Kerangka Teori**

Kajian ini menggunakan dan menerapkan satu kerangka teori yang menjurus kepada tipologi kawasan penyebaran bahasa. Teori ini menekankan bahawa adanya komuniti penutur yang stabil serta lama waktunya yang memadai sebagai kriteria kawasan penyebaran. Hal ini dapat dilihat dengan berdasarkan pendekatan sosiolinguistik yang telah dikemukakan oleh beberapa orang ahli sosiolinguistik, antaranya termasuklah Dell Hymes (1968: 13) yang menjelaskan bahawa sosiolinguistik merupakan aktiviti antara disiplin yang melibatkan ahli-ahli sosiologi, antropologi dan falsafah, yang memainkan peranan masing-masing, namun peranan yang penting ialah sumbangan daripada ahli-ahli linguistik. Takrifan Hymes telah diperluas oleh Fishman (1971) yang melihat pendekatan penyelidikan sosiolinguistik oleh ahli-ahli linguistik lebih sistematik, lebih teratur, dan lebih berorientasikan data yang bersifat empiris. Selain itu, terdapat juga penelitian yang dibuat daripada sudut dinamika sosiolinguistik yang dilihat daripada segi penggunaan dan sikap anggota masyarakat terhadap bahasa. Misalnya, perubahan daripada satu bahasa

kepada bahasa yang lain. Sikap terhadap bahasa bermaksud pandangan seseorang itu terhadap bahasa, sama ada bahasa ibundanya sendiri mahupun bahasa yang dituturkan oleh golongan lain dalam sesebuah masyarakat bahasa. Fenomena ini akan mewujudkan minat atau hasratnya untuk menerima atau mengasingkan dirinya daripada bahasa tersebut. Sociolinguistik juga sebagai bidang yang mengkaji ciri-ciri variasi dan fungsi bahasa serta ciri-ciri penutur yang menggunakannya apabila ketiga-tiga unsur ini berinteraksi (Fishman, 1968 dan Chambers, 2003) berubah dan mengubah satu sama lain dalam sesuatu masyarakat bahasa (lihat Nik Safiah Karim, 1981: 4).

Variasi sociolinguistik pula melibatkan perubahan cara bertutur dalam kalangan penutur dalam sesuatu masyarakat bahasa, seperti penggunaan ganti nama diri apabila bercakap dengan orang-orang tertentu dalam tatatingkat sosial yang berbeza mahupun dalam keluarga dan kawan sebaya. Misalnya penggunaan ganti nama diri pertama saya, aku, dan seumpamanya, dalam linguistik deskriptif atau struktural disebut variasi bebas kerana ganti nama tersebut tidak menunjukkan distingtif dan tidak membawa perbezaan makna.

### **Sampel Kajian**

Populasi dan sampel kajian terdiri daripada 60 orang informan dan tokoh yang terdiri daripada warga Melayu Kokos yang tinggal di Pulau Home, di samping beberapa orang kulit putih yang berkhidmat dan tinggal di Pulau Kokos dan di Pulau Panjang. Sampel kajian juga meliputi orang Melayu Kokos yang telah berhijrah ke Australia Barat dan kini tinggal di Kattanning dan Perth. Antara lain, termasuk juga informan lelaki dan wanita yang mempunyai pengalaman di Pulau Christmas yang dapat memberikan maklumat berhubung dengan sejarah penghijrahan orang Melayu Kokos, dan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai sektor. Jumlah pensampelan memadai dan representif sifatnya, yang terbahagi kepada tiga kategori seperti yang telah dinyatakan di atas. Daripada 60 orang informan, sebanyak 26 orang terdiri daripada wanita dan 34 orang lelaki. Penulis berkesempatan menemu bual mereka yang secara kebetulan berada di Pulau Kokos kerana bercuti untuk bertemu sanak saudara mereka di Pulau Home. Mereka ini masih ramai saudara mara mahupun adik-beradik yang masih tinggal di Pulau Home. Imbauan mereka tentang sejarah nenek moyang mereka ke Pulau Kokos masih kuat berdasarkan penceritaan daripada warga tua kepada waris dan generasi muda mereka.

Beberapa orang informan dari Pulau Christmas diwawancara bagi mendapatkan maklumat tentang kedudukan dan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk Melayu dewasa dan remaja di Pulau Christmas dan hubungannya dengan orang Melayu Kokos yang pernah tinggal di pulau itu. Informan-informan ini juga terdiri daripada orang Melayu Kokos yang berkahwin dengan warga kulit putih Australia dan tinggal di Pulau Home dan juga warga kulit putih yang berkahwin dengan wanita Kokos dan tinggal di Kattanning dan tempat-tempat lain di Australia Barat. Beberapa orang anak muda yang masih bersekolah dan yang baru memasuki alam pekerjaan juga ditemu bual untuk memperoleh data yang dapat membuktikan bahawa ibu bapa mereka menekankan penggunaan bahasa Melayu Kokos di rumah apabila bahasa Inggeris menjadi bahasa utama dalam sistem persekolahan.

Kampung Melayu di Pulau Home mempunyai 100 buah rumah yang didiami oleh 100 keluarga Melayu, iaitu kira-kira 400 orang. Sejumlah 80% terdiri daripada orang Melayu Kokos sementara 20% lagi adalah daripada keturunan kulit putih. Kebanyakan penduduknya berumur antara 40 tahun hingga 80 tahun. Golongan kanak-kanak dan remaja awal masih ramai tinggal di Pulau Home tetapi golongan remaja yang telah menjejaskan kaki ke peringkat sekolah menengah dan tinggi semakin merosot jumlahnya kerana sejumlah besar telah melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Australia Barat seperti di Universiti Western Australia dan tinggal menetap di sana. Ada antara keluarga Melayu Kokos yang meninggalkan Pulau Home untuk menetap bersama-sama anak-anak mereka di Australia Barat. Tambahan pula, tidak semua wanita di Pulau Home ini gemar diwawancara. Oleh sebab itu penulis berusaha mendapatkan bantuan tokoh dan orang yang dihormati di pulau itu untuk mendapatkan informan yang sesuai dan mampu memberikan maklumat tentang sejarah, penggunaan bahasa, sistem penamaan, serta sistem panggilan dan sapaan dalam keluarga dan komuniti. Dengan berdasarkan fenomena ini, jumlah sasaran sampel untuk kajian ini difikirkan memadai dan cukup untuk mewakili populasi kajian kerana salah satu daripada ciri kaedah kajian kualitatif ialah bilangan sampel yang tidak terlalu ramai, dan menurut Patton (2002: 40), informan-informan tersebut harus kaya maklumat dan iluminatif terutama tentang komunitinya, upacara, budaya dan peristiwa-peristiwa yang kritikal yang dipilih sesuai dengan pertanyaan atau soalan yang diajukan. Pemilihan sampel juga berdasarkan kriteria dan faktor seperti pengalaman dan status informan dalam masyarakat Melayu Kokos, kedudukan dan lokasi pulau, serta faktor jantina yang



menyumbang kepada sosioekonomi dan peranan memperkaya bahasa dan budaya Melayu Kokos. Oleh sebab itu, pemilihan sampel ini dibuat dengan bantuan Haji Hawkins, iaitu seorang yang disegani dan dihormati masyarakat Melayu Kokos di Pulau Home.

### **Instrumen dan Tatacara Kajian**

Instrumen kajian terdiri daripada satu set soalan yang disediakan untuk dijadikan bahan pertanyaan kualitatif semasa temu bual dengan informan dan wawancara dengan tokoh seperti pada (3) halaman 9. Soalan-soalan asas tersebut dikembangkan sesuai dengan jawapan yang diberikan oleh informan dan maklum balas yang diperolehi daripada tokoh sebagai usaha mencungkil sebanyak mungkin maklumat daripada mereka. Bahan atau instrumen kajian tersebut terdiri daripada dokumen-dokumen yang bersifat umum mahupun persendirian. Dalam konteks kajian ini, penulis menggunakan kedua-dua bentuk bahan kajian, iaitu dokumen umum seperti fotograf berserta dengan kapsyen, rekod, dan objek-objek sentimental yang lain (seperti ukiran patung keturunan John Clunies-Ross, patung wayang kulit Jawa, manuskrip lama bertulisan Jawi, pelbagai jenis brosur, kraf tangan dan imej lain) yang terdapat di Muzium Pulau Home, di samping bahan persendirian seperti koleksi gambar sebagai rakaman sejarah yang disimpan oleh individu atau sesebuah keluarga Melayu Kokos di Pulau Home.

Beberapa strategi dan persediaan awal untuk mendapatkan maklumat awal tentang masyarakat Melayu di Pulau Home dibuat. Beberapa orang informan yang tinggal di Melaka yang diketahui mempunyai pengalaman bekerja di Pulau Christmas dan dapat memberikan maklumat tentang orang Melayu Kokos di Pulau Home turut diwawancara; serta mengadakan pertemuan awal dengan beberapa orang Melayu Kokos yang berada di Kuala Lumpur. Aspek kedua ialah entri fizikal sebenar ke latar lapangan untuk memulakan pengumpulan data. Kedua-dua aspek ini saling berkaitan dan penting untuk menjayakan kajian di lapangan.

### **Penganalisan Data**

Data-data yang terakam di dalam pita kaset dan pita video telah ditranskripsikan untuk memudahkan penganalisan. Bahan transkripsi tersebut telah disemak dengan teliti dan penulis telah memilih data-data yang relevan untuk diasingkan dan dikategorikan mengikut pendekatan

kajian yang telah dikenal pasti. Antaranya termasuklah petikan-petikan ujaran informan dan tokoh yang ditemu bual, dan semua kosa kata yang berasal daripada bahasa Nusantara, kosa kata yang dipengaruhi bahasa asing seperti Portugis, Belanda dan Inggeris; dan penggunaan pelbagai kosa kata dalam pelbagai bidang dan sektor di Pulau Home. Untuk memastikan fakta yang dikemukakan oleh informan-informan yang ditemu bual itu sahih dan benar, kajian kepustakaan dilakukan. Dalam konteks kajian ini, transkripsi kasar (Abdullah Hassan, 2005: 61) digunakan bagi merakamkan ujaran, iaitu dalam bentuk bunyi-bunyi penggalan sahaja kerana pendekatan ini difikirkan lebih praktis sifatnya. Bagaimanapun, transkripsi rapi (Abdullah Hassan, 2005: 60) hanya digunakan apabila memerikan aspek fonologi yang memperlihatkan bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan dari daerah atau titik artikulasi yang menggunakan lambang-lambang tertentu.

## **RUMUSAN DAPATAN KAJIAN**

Data yang terkumpul dapat menghasilkan pola penting, tema dan hubungan dalam masyarakat yang dikaji, dan perspektif holistik yang memperlihatkan keseluruhan fenomena yang dikaji sebagai satu sistem yang kompleks dan rumit sifatnya. Data tersebut diolah dan disampaikan secara naratif mengikut tajuk yang berikut:

### **Susur Galur dan Sejarah Kedatangan Orang Melayu di Pulau Kokos**

Masyarakat Melayu di Pulau Kokos telah menghuni pulau itu selama ratusan tahun dan telah melalui kehidupan yang pahit dan mencabar. Kehadiran mereka di pulau itu dapat diimbis melalui satu sejarah yang panjang. Kini, orang-orang Melayu di Pulau Home berjaya membina suatu masyarakat yang mempunyai peradaban dengan mengamalkan budaya dan adat istiadat Melayu, menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi dan berinteraksi antara anggota masyarakat, dan mengamalkan hidup secara Islam.

Penulis mencuba mengaitkan peranan dan pengaruh dua orang Inggeris tersebut, iaitu Alexander Hare dan John Clunies-Ross di Alam Melayu yang menyebabkan berhijrahnya “orang Melayu Nusantara” (Collins, 1999: 64) ke Pulau Kokos. Dengan berdasarkan dokumen yang ditulis oleh Clunies-Ross yang dipetik oleh Gibson-Hill (1952: 54), Hare

mengalami masalah undang-undang berhubung dengan status pengikut-pengikutnya. Akhirnya, Hare dan rombongannya tiba di Cape Town dan tinggal di ladang miliknya yang terletak di pantai kira-kira 12 batu dari Cape Town. Di sini dia menghadapi pelbagai masalah dan kesusahan sehingga Januari 1826, mereka belayar lagi sehingga sampai di Kepulauan Cocos (Keeling) pada bulan Mei 1826. Clunies-Ross dan pengikut-pengikutnya pula tiba di atol utama Kepulauan Cocos (Keeling) pada 6 Disember 1826. Perkara ini dijelaskan oleh salah seorang informan, iaitu Cree bin Haig yang menjelaskan fenomena ini melalui wawancara (lihat Raja Masittah, 2007).

Pada peringkat awal, John Clunies-Ross telah menempatkan orang-orang Melayu tersebut di Pulau Atas (*South Island*) yang kebanyakan terdiri daripada buruh kasar yang pernah bekerja di ladang cengkoh, lada dan kopi di Banjarmasin. Menurut Collins (1992:5) bahasa Melayu berperanan penting sebagai bahasa perhubungan di wilayah Maluku pada abad ke-16 lagi. Dengan berdasarkan catatan Collins (1999:63) juga, pada tahap paling awal pembentukan Batavia dikaitkan dengan “kehadiran bala tentera Nusantara, sekutu Belanda, yang berbahasa Melayu, iaitu orang Bugis, Maluku dan Melayu serta orang buangan seperti orang Bandar dan Makasar”. Menurutnya lagi, “Hal ini ditambah lagi dengan terdinya pasaran hamba yang paling hebat di Batavia” dan dikatakan pada setiap tahun Batavia dibanjiri dengan ribuan abdi, dan “sekian banyak hamba yang berbahasa Melayu” sehinggakan bahasa Melayu menjadi bahasa utama di Batavia walaupun statusnya tidak diakui oleh pihak yang berkuasa pada waktu itu. Pembentukan golongan hamba tersebut semakin besar jumlahnya apabila “tuan Inggeris yang menjajah di Pulau Cocos-Keeling pun membeli abdi dari kapal-kapal yang singgah di sana.” (Collins, 1999: 64).

Sebelum kedatangan John Clunies-Ross ke Pulau Kokos, Alexander Hare bersama-sama dengan pengikut-pengikutnya sudah pun berada di kepulauan itu dan tinggal di Pulau Selma (Gibson-Hill, 1952:70), dan kemudian berpindah ke Pulau Beras pada tahun 1827. Dokumen yang diedit oleh Gibson-Hill (dalam *JMBRAS*, 1952:141) menyebut tentang bahasa yang dituturkan oleh mereka, iaitu bahasa Melayu yang memperlihatkan beberapa perbezaan dan kelainan daripada bahasa yang dituturkan di Johor pada masa itu. Pada peringkat awal, mereka tinggal di Pulau Atas, dan pada tahun 1833, Clunies-Ross bersama-sama dengan keluarga dan pengikut-pengikutnya berpindah dan membina petempatan baharu di Pulau Home. Dengan berdasarkan temu bual yang dilakukan dalam kalangan generasi tua di Pulau Home, mereka tidak tahu akan asal-

usul leluhur mereka melainkan mengetahui sejarah yang diceritakan oleh nenek moyang mereka yang mengatakan bahawa mereka berasal dari “Banten”, Bangkahulu, Jawa, Kalimantan dan ada juga yang menyebutkan “Pontianak” (Lihat Raja Masittah, 2007). Orang-orang Melayu di Pulau Home ini melabelkan diri mereka sebagai “Melayu Kokos” yang hidup di bawah naungan Clunies-Ross. Semua aspek kehidupan orang Melayu Kokos tertakluk kepada peraturan “Tuan Pulu”, sama ada hal-hal yang berkaitan dengan bekalan makanan, pakaian, mahupun adat nikah kahwin, pekerjaan dan yang lain-lain. Kehidupan mereka terkongkong dan tidak boleh keluar dari Pulau Home dan tidak dibenarkan langsung berjumpa dengan sesiapa sahaja walaupun saudara mara mereka dari Australia Barat yang datang ke Pulau Panjang untuk menemui saudara mereka di Pulau Home.

Rumusannya, kehadiran orang-orang Melayu di Pulau Kokos pada peringkat awal adalah akibat pemindahan pekerja buruh kasar yang terdiri daripada hamba abdi berserta dengan keluarga dari Pulau Jawa, Sumatera, Makasar, dan tempat-tempat lain yang dibawa oleh dua orang Inggeris yang berpengaruh dalam pentadbiran kolonial dan perdagangan di Alam Melayu, iaitu Alexander Hare dan John Clunies-Ross. Dalam tempoh ratusan tahun itu, bahasa Melayu Kokos telah menerima pengaruh bahasa asing bukan sahaja bahasa Inggeris malah bahasa Portugis, bahasa Cina, dan sebagainya. Pertembungan budaya pelbagai suku kaum dan bangsa asing di Pulau Kokos merupakan suatu tadahan yang dapat menyebarkan penggunaan bahasa Melayu bukan sahaja dalam kalangan orang Melayu Kokos malahan orang kulit putih yang tinggal di pulau tersebut.

### **Sistem Panggilan di Pulau Kokos**

Kata panggilan yang wujud di Pulau Home terbahagi kepada kata panggilan dalam keluarga Melayu Kokos, kata panggilan dalam kalangan masyarakat umum dan jiran tetangga, serta kata panggilan dalam kalangan orang asing. Skema untuk kata panggilan di Pulau Kokos dapat dijelaskan seperti dalam jadual yang berikut.

BAHASA MELAYU DI PULAU KOKOS: SUATU TINJAUAN SOSIOLINGUISTIK

**Jadual 1** Skema kata panggilan di Pulau Kokos.

Kategori/ Pangkat	Emak	Bapa	Emak Saudara	Bapa Saudara	Nenek/ Datuk	Suami	Isteri	Lain-lain
1. Kata panggilan dalam keluarga Melayu Kokos	mak, mamak, ibu	ayah	bik, bibik, wak	paman, wak	nek, nenek, nek aji nek wan	bang, abang	nama, singkatan nama	san, besan, wak (sebaya)
2. Kata panggilan dalam kalangan umum/ jiran tetangga (Melayu Kokos)	mak + nama anak sulung orang yang disapa	pak + nama anak sulung orang yang disapa	mak + nama anak sulung orang yang disapa	pak + nama anak sulung orang yang disapa	nek + nama cucu sulung orang yang disapa	-	-	-
3. Kata panggilan terhadap orang asing (keluarga John Clunies-Ross)	-	-	-	-	-	tuan	nyonya	nama (anak-anak John Clunies-Ross, dll.)
4. Kata panggilan orang asing terhadap orang Melayu Kokos	mak + nama anak sulung orang yang disapa	pak + nama anak sulung orang yang disapa	mak + nama anak sulung orang yang disapa	pak + nama anak sulung orang yang disapa	nek + nama cucu sulung orang yang disapa	-	-	nama
5. Kata panggilan dalam kalangan keluarga John Clunies-Ross	<i>mum, mummy</i>	<i>dad, daddy</i>	-	-	<i>grandma</i>	-	-	-

Sistem panggilan yang menjadi amalan dalam kalangan Melayu Kokos ialah panggilan atau sapaan yang hanya menyebut nama pangkat dalam keluarga, khususnya dalam garis menegak dari ayah-emak hingga kepada nenek. Dalam sistem panggilan ini, pangkat “sulung” memainkan peranan yang penting. Pasangan suami-isteri yang mendapat anak sulung akan dikenal dengan nama anak sulungnya dan secara langsung namanya tidak akan disebut lagi. Sebagai contoh sekiranya anak sulungnya bernama Harun maka dia akan dipanggil atau disapa dengan nama Pak Harun

atau Mak Harun. Apabila mereka mendapat cucu, nama cucu pertama (misalan nama cucunya Aman) pula yang diambil kira, iaitu mereka akan dipanggil Nek Aman. Berdasarkan sistem panggilan ini, orang-orang Kokos mengenal antara satu sama lain dengan nama dalam sistem tersebut (lihat Raja Masittah, 2007). Untuk mendapatkan gelaran nenek, sesuatu keluarga itu harus mempunyai seorang cucu, baik lelaki mahupun perempuan daripada anaknya yang telah berkahwin, sama ada anaknya lelaki mahupun perempuan. Walaupun panggilan tradisinya ialah mak atau mamak seperti yang dinyatakan di atas, tetapi generasi baharu seperti Puan Zaiton (yang berasal dari Singapura) yang dikenal di Pulau Home dengan panggilan Mak Zulaika atau Mak Ika, lebih suka anaknya yang bernama Zulaika itu menyapanya dengan panggilan **ibu**. Menurutnyanya, panggilan ini merupakan panggilan baharu yang berbeza dengan panggilan tradisi di Pulau Kokos.

Antara panggilan keluarga yang digunakan untuk menyapa bapa saudara ialah paman, manakala emak saudara disapa dengan panggilan bik, bibik, iaitu sistem panggilan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka yang tinggal di Indonesia. Panggilan wak yang diikuti nama, digunakan oleh masyarakat Melayu Kokos apabila menyapa seseorang warga Melayu Kokos dewasa yang statusnya masih bujang. Panggilan wak juga digunakan untuk menyapa seseorang warga Melayu Kokos, baik lelaki mahupun perempuan yang sudah berumah tangga tetapi masih belum dikurniakan zuriat. Satu lagi kata panggilan yang agak menarik, iaitu **besan** atau panggilan **san** sahaja oleh dua buah keluarga yang berbesan melalui perkahwinan anak lelaki dan perempuan masing-masing. Kata panggilan ini diujarkan oleh Puan Hadijah semasa menyapa Encik Pirus Capstan (Nek Fatimah), iaitu bapa kepada menantunya yang bernama Balmut yang berkahwin dengan anak perempuannya Nor Hafidah. Sistem panggilan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Kokos ada hubungannya dengan penggunaan kata ganti nama orang pertama, kedua dan ketiga. Antara kata ganti nama orang pertama ialah **saya** dan **gue**; kata ganti nama orang kedua ialah **kau**, **engkau**, dan **lu**; dan kata ganti nama orang ketiga, iaitu **dia orang** atau "**dorang**" (lihat *Bahasa Pulu Cocos*, hlm.11). Ketiga-tiga kata ganti nama tersebut dapat dilihat dalam jadual di bawah ini.

**Jadual 2** Skema kata sapaan di Pulau Kokos.

Pangkat dalam keluarga	Kepada Anak (Generasi ketiga)		Kepada Emak/Bapa (Generasi kedua)		Kepada Nenek/Datuk (Generasi Pertama)		Lain-lain (kawan sebaya)	
	GN1	GN2	GN1	GN2	GN1	GN2	GN1	GN2
Kata Sapaan anak (Generasi ketiga)	GN1 gua/ gue, saya, aku, nama (adik-beradik)	GN2 lu, kau/ engkau kau orang	GN1 saya, nama	GN2 mak, mamak ibu	<u>GN1</u> -	<u>GN2</u> -	GN1 saya, aku, gua/ gue	GN2 lu, kau/ engkau, kau orang
Kata Sapaan emak/bapa (Generasi kedua)	GN1 mak, mamak ibu	GN2 lu, kau/ engkau	GN1 saya, aku, gua/ gue, nama singkatan suami/ isteri	GN2 lu, kau/ engkau (suami/ isteri)	-		GN1 saya gua/ gue	GN2 lu, wak
Kata Sapaan cucu (Generasi ketiga)	<u>GN1</u> -	<u>GN2</u> -	<u>GN1</u> -	<u>GN2</u> -	<u>GN1</u> saya, nama	GN2 atuk, tuk aji, nek, nenek, nek wan	<u>GN1</u> saya, gua/ gue	GN2 lu, kau/ engkau
Kata sapaan nenek/datuk (Generasi Pertama)	<u>GN1</u> aku, atuk, nek, nenek, nek wan	<u>GN2</u> lu, kau/ engkau (orang)	<u>GN1</u> -	<u>GN2</u> -	<u>GN1</u> -	<u>GN2</u> -	<u>GN1</u> gua/ gue, aku	<u>GN2</u> lu, kau/ engkau wak

Bagaimanapun, kata ganti nama ketiga yang lazim digunakan oleh orang Melayu Kokos ialah “dia orang” (dorang). Penggunaan kata ganti nama ini memperlihatkan bahasa Melayu rendah sedangkan bahasa Melayu tinggi menggunakan “mereka”.

## Aspek Leksikal dan Istilah dalam Bahasa Melayu Kokos

Oleh sebab sifat sesuatu bahasa itu mempunyai hubungan rapat dengan cara hidup anggota masyarakat yang menuturkannya, penciptaan kosa kata baharu banyak dipengaruhi keadaan dan persekitaran. Dalam konteks bahasa Melayu Kokos, banyak kata umum dan khusus atau istilah mahupun ungkapan yang tercipta dikaitkan dengan cara hidup mereka sebagai pelaut atau nelayan. Oleh sebab itu kosa kata dalam bidang perikanan dan kelautan lebih banyak dihasilkan berbanding dengan bidang-bidang yang lain. Antara bidang yang lain, termasuklah keagamaan, peralatan, pakaian dan busana Melayu, adat istiadat dan budaya, serta flora dan fauna. Sejumlah 117 kata leksikal ditemukan, yang antaranya termasuklah “anak gelek” (anak ikan kerapu); “ariya” (perbuatan menghulurkan, mengendurkan atau melepaskan tali-tali tertentu seperti tali layar sepanjang yang mungkin, dan juga melemparkan sauh ke dalam laut dengan perlahan-lahan dan berhati-hati; “baria” (terumbu karang); “corong” (bahagian kulit luar yang keras sebagai pelindung kepada hidupan laut seperti siput dan kepah); “cucut” (sejenis ikan yu); “diken” (lampu isyarat yang terletak di darat yang berfungsi untuk memandu kapal besar dan kapal layar dari arah laut yang masuk ke kawasan tertentu, yang juga dikenal sebagai lampu *signal* atau lampu butang); “batuk” (bahagian tempurung kelapa yang keras); “sangu” (sejenis bekas bertutup yang digunakan untuk mengisi makanan yang dibawa sebagai bekalan semasa bekerja) dan yang lain-lain berserta dengan contoh ayat ujaran dan huraian makna kata dan frasa yang dapat di rujuk dalam tulisan Raja Masittah (2007).

Dalam hal ungkapan asli Melayu Kokos yang digunakan oleh mereka untuk menjelaskan sesuatu hal atau peristiwa yang berlaku kadang-kadang sukar untuk difahami kerana ungkapan-ungkapan tersebut mempunyai makna dan pengertian yang tersendiri, yang lazimnya dapat difahami dalam kalangan mereka sahaja. Antara ungkapan tersebut termasuklah “air bening” (keadaan permukaan air laut yang tenang kerana tidak ada tiupan angin dan oleh itu mudah dilihat objek-objek yang terdapat di bahagian bawah permukaan air); “air kisut-kisut” (keadaan permukaan air laut yang bergerak-gerak apabila ditiup angin); “air rahsia” (suatu tempat memancing ikan di Pulau Kokos yang kenal sebagai air rahsia dalam kalangan orang Melayu Kokos di Pulau Home); “alur yang hak” (alur yang betul atau alur sebenar yang dilalui masuk oleh kapal besar dan kapal layar); “angin selir-selir” (keadaan angin yang bertiup perlahan-lahan, nyaman dan menyegarkan yang dikenal sebagai sepoi-sepoi



bahasa); “angin teduh” (keadaan yang tidak berangin); “arus les” (*lace*) (arus yang kuat); “beratkan layar” (tarik layar); “buang jaring” (perbuatan menurunkan dan memasang jaring yang melingkungi satu kawasan air laut yang cetek dan banyak ikan); “kalau kita tak singkir, kena terajang” (kalau kita tidak mengelak, kapal layar yang kita naiki akan dilanggar apabila melalui alur feri yang alunan ombaknya besar dan kuat); “memancing yang berjalan” (kaedah menangkap ikan dengan menghulurkan tali pancing ke dalam laut dengan menggunakan umpan tiruan, dan dalam keadaan bot bergerak); “memancing yang berlabuh” (kaedah menangkap ikan dengan menghulurkan tali pancing ke dalam laut dengan menggunakan umpan, dan dalam keadaan bot tidak bergerak); dan “tak nyanya tak duga” (tidak disangka-sangka).

### **i. Kata Arkaik**

Kata arkaik ialah kata yang telah mati dan tidak digunakan lagi menurut pertuturan semasa. Generasi awal yang datang ke Pulau Kokos menggunakan kosa kata bahasa Melayu lama ini, contohnya ialah “atawa” yang memperlihatkan unsur leksikal daripada bahasa Jawa dan menurut Nothofer (2006a) kata ini berasal daripada bahasa Sanskrit yang disingkatkan menjadi ataw, dan dalam bahasa Jawa terdapat perkataan yang lebih halus, iaitu “atawi”. Namun, perkataan “atawa” yang merujuk kepada “atau” (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005) ini hanya digunakan sehingga pertengahan tahun 1980-an, seperti yang dijelaskan oleh Haji Bytol melalui rakaman kaset yang dirakamnya sendiri pada tahun 1985. Kini perkataan atawa tidak lagi digunakan dalam kalangan orang dewasa mahupun remaja dan kanak-kanak Melayu Kokos di Pulau Home. Kini kata tersebut digantikan dengan **atau** sahaja.

### **ii. Pengaruh Bahasa Nusantara**

Asal usul orang Melayu Kokos di Pulau Home adalah daripada rumpun yang sama walaupun berasal dari pelbagai negara di Nusantara dengan membawa bahasa mereka apabila berhijrah ke Pulau Kokos. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa kata leksikal bahasa Melayu Nusantara dalam bahasa Melayu Kokos, antaranya termasuklah perkataan yang lazim digunakan, iaitu **kasi** yang bermaksud “beri”. Pengaruh perkataan ini kuat sekali sehinggakan papan tanda di persimpangan jalan untuk memudahkan perjalanan lalu lintas kenderaan di Pulau Home

menggunakan perkataan kasi, contohnya: “kasi jalan” (*give way*). Pada umumnya, kata leksikal “beri” tidak digunakan oleh masyarakat Melayu Kokos di Pulau Home.

Kata leksikal lain yang kerap digunakan dalam pertuturan sehari-hari ialah “bikin”, iaitu variasi bagi perkataan buat; “bilang” yang bermaksud “kata/berkata” atau “beritahu”; perkataan “bisa” yang bermakna boleh; dan kata hubung “nang” yang bermaksud “yang” dalam ujaran mereka. Huraian maksud kata dan contoh ayat ujaran dapat dirujuk dalam Raja Masittah (2007). Antara kosa kata lain yang mirip kepada bahasa Indonesia ialah “sore” yang bermakna petang dalam bahasa Melayu, “kates” (papaya = betik), “katela” (= keledek), “danda” (= ubi kayu), “cumi”; (= sotong), “kepiting” (= ketam), “capek” (= penat), “batok” (= tempurung), “serbet” (tuala), dan “siwak” (= berus gigi). Bahasa Melayu Kokos juga telah meminjam dan mengambil beberapa unsur leksikal dialek Jakarta, antaranya termasuklah ganti nama orang pertama “gua/guwa” atau “goa”(saya) dan ganti nama orang kedua “lu”(awak).

### iii. Pengaruh Bahasa Inggeris dan Bahasa Asing Lain

Pada umumnya, perbendaharaan kata atau leksikal yang terdapat dalam bahasa Melayu Kokos adalah terhad jumlahnya. Namun, bahasa tersebut terus berkembang dalam lingkungan masyarakat Melayu di pulau itu, dengan penambahan leksikal hasil peminjaman, baik secara langsung dan penyesuaian dengan struktur dan sistem bahasa peminjam; kata pinjaman campuran; dan kata pinjaman terjemahan daripada bahasa-bahasa lain. Antara leksikal bahasa Inggeris yang dipinjam dan digunakan dalam pertuturan oleh orang-orang Melayu Kokos dengan sebahagiannya mengekalkan cara sebutan Inggeris seperti banglo, bas, bot, kelab, kopra, krew, mes, mekanik, plastik, edres (address), restoran, sekuriti, setem, simen, kentin (canteen) dan femili (famili); manakala beberapa leksikal lain dipinjam dengan beberapa pengubahsuaian bunyi dan sebutan yang dilafazkan menurut lidah orang Melayu Kokos Pinjaman kata leksikal bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu Kokos pada tahap fonologi (29 kata leksikal), seperti peri/feri, beskel (bicycle), belankit (blanket), kapit (carpet), dan sebagainya (lihat kamus *Bahasa Pulu Kokos*). Oleh hal yang demikian, didapati bahawa penyebutan sesuatu kata pinjaman daripada bahasa Inggeris itu disesuaikan dengan sistem bunyi bahasa Melayu Kokos dan disebut mengikut sistem bunyi bahasa Inggeris seperti aisbok, baria, bok, dol, gasolin, geng, les, opis/ofis, pension sekretari, dan siklon.

Penggunaan kata leksikal pengaruh bahasa Inggeris dalam kalangan orang Melayu Kokos di Pulau Home amat ketara sejak dahulu hingga sekarang yang digunakan sewenang-wenangnya dalam ujaran mereka. Sejumlah 186 kosa kata pengaruh bahasa Inggeris (Raja Masittah, 2007) dikumpulkan dan antara perkataan yang kerap disebut oleh mereka dalam perbualan ialah hal-hal yang berkaitan dengan sejarah Pulau Kokos yang melibatkan perkataan *government, council, manager, contract, company*, dan sebagainya sehingga memperlihatkan fenomena bahasa basahan, bahasa pasar atau istilah bahasa rojak (Awang Sariyan, 2004). Selain bahasa Inggeris, kata leksikal yang terdapat dalam bahasa Melayu Kokos dipengaruhi juga oleh bahasa Portugis contohnya sekoci (bot kecil berinjil) almari, sekolah, bangku, meja, dan kebaya. Contoh peminjaman leksikal bahasa Belanda ialah kamar, duit, ongkos, dan kantor.

### Aspek Fonologi

Dalam bahasa Melayu Kokos, aspek penyebutannya berbeza dengan bahasa Melayu di Malaysia mahupun di Indonesia. Penutur asal Pulau Kokos menggunakan hentian glotis [ʔ] bagi melafazkan perkataan yang berakhir dengan konsonan letupan langit lembut (tidak bersuara) **k** misalnya untuk perkataan nenek menjadi “neneʔ”; dan bagi perkataan yang menggunakan konsonan getaran gigi-gusi **r** dalam sebutan baku seperti perkataan “rabit” akan dilafazkan sebagai “**R**abit”, iaitu menggantikannya dengan konsonan getaran **R**, Contoh petikan yang berikut:

[neneʔ pake baju səpotong saja kəmeja canteʔ tapi bukan bagus kəmeja o**R**aŋ dulu-dulu bajuŋa koyaʔ **R**abit, ditampal, dijaet, memaŋ la**R**at kadaŋ kadaŋ kaloʔ bejalan, aŋjin tiyup, ujuŋ-ujuŋ kəluar tapi apa boleh buwat neneʔ memaŋ taʔ ada pakeyan neneʔ pə**R**ənah pake baju koyaʔ koyaʔ kadaŋ-kadaŋ pənoh isiyan tampalan o**R**aŋ pə**R**əmpuwan pun bəgitu jugaʔ kan kaen baju pənoh diisikan kadaŋ kadaŋ kaen diya o**R**aŋ ada masih ada buŋa sampe puteh taʔ ada buŋa lagi kə**R**ana selalu dipake dan dicuci mana boleh tahan dalam anam bulan duwa kali saja]

Daripada aspek penyebutan juga, masyarakat Melayu Kokos menyebut perkataan “ambil” sebagai **amek** [ameʔ], iaitu berlakunya proses peleburan konsonan [b] bersuara dan diakhiri dengan bunyi hentian glotis [ʔ], iaitu:

ambil → amØek → ameʔ

Antara contoh ujaran yang menggunakan sebutan [ame?] ialah:

- i) *Saya bilang tolong ame?kan ini lantas saya sama dia bertukar, dia bahasa Kokos, saya ame? bahasa Melayu.*

Penutur daripada kalangan warga emas menggunakan tekanan dan panjang-pendek serta tona bagi sesuatu suku kata perkataan dalam sepotong ayat yang diujarkan. Lazimnya, suku kata kedua dalam sesuatu perkataan itu diberikan tekanan. Ada bunyi yang panjang dan ada juga bunyi yang pendek, juga unsur nada dan kelantangan.

Contoh petikan: *Dua ká::li bom di sana, rumah besar tak kena*

### Aspek Morfologi

Dalam bahasa Melayu Kokos terdapat penggunaan pengimbuhan awalan me- (memasak), meng- (mengahwin) dan meny- (menyunat). Walau bagaimanapun, imbuhan awalan tidak konsisten penggunaannya. Dengan kata lain berlakunya peleburan imbuhan, contohnya bagi perkataan “goreng” yang seharusnya “menggoreng”.

Dalam bahasa Melayu Kokos terdapat juga penggunaan imbuhan kata kerja pasif “di-” seperti “Beras **ditumbuk**, **diayak** dengan kain jarang, **ditaruk** garam, **dikacau** jadi kuih, **direbus** atawa **digoreng**.” dan bahasa orang Melayu Kokos asli yang ditulis oleh Wak James dengan tulisan tangannya sendiri (lihat Raja Masittah, 2007) yang secara tidak langsung Wak James terpengaruh dengan ortografi bahasa Inggeris. Contoh ejaan yang ketara ialah *mingoo* (minggu), *bersie* (bersih), *slamat* (selamat), dan *atie* (hati); demikian juga dengan *puti* (putih) dan *sala* (salah), iaitu bunyi h disenyapkan. Lazimnya perkataan dieja berasaskan fonemik, iaitu ejaan mengikut bunyi sebutan penutur, misalnya perkataan *mintak* (minta), *kalok* (kalau) dan *manyak2* (banyak). Walau bagaimanapun imbuhan awalan ber- digunakan dalam bahasa Melayu Kokos seperti “berjumpa” dan “bersama.” Demikian juga dengan imbuhan akhiran -kan, misalnya “*uchap kan*” dan “di simpan” dengan menggunakan ejaan yang tersendiri dan bercampur aduk tanpa mempunyai satu sistem yang selaras atau disempurnakan. Masyarakat Melayu Kokos masih menggunakan imbuhan akhiran -an apabila menyebut perkataan “pendapat” (bagi maksud memberikan pandangan tentang sesuatu) menjadi “pendapatan” sedangkan maknanya pada hari ini telah berbeza, iaitu “jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu teratur, atau sebagai hasil mata pencarian kerja yang

dilakukan” (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005:313).

Daripada aspek pengimbuhan, masyarakat Melayu Kokos masih ada menggunakan imbuhan awalan tetapi sifatnya tidak lengkap, misalnya perkataan “tanggung” apabila menerima imbuhan awalan *me-* seharusnya akan menjadi menanggung tetapi dalam bahasa Melayu Kokos, konsonan letupan gigi-gusi tidak bersuara *t* digugurkan dan sebutannya digandakan sebagai “nanggung-nanggung”. Kata yang berawal dengan konsonan bunyi-bunyi tidak bersuara seperti konsonan letupan dua bibir [*p*], konsonan letupan gigi-gusi tidak bersuara [*t*], dan konsonan letupan lelangit lembut tidak bersuara [*k*] berubah menjadi konsonan nasal atau sengauan seperti yang berikut: *t > n* (konsonan sengauan gusi); *k > ŋ* (sengauan lelangit lembut); *p > m* (sengauan dua bibir)

N +	tanggung	-	nanjung	→	nanjung-nanjung
	tanjis	-	nanjis	→	nanjis
	tunju?	-	nunju?	→	nunju?-nunju?
	tonton	-	nonton	→	nonton
N- +	kawin	-	ŋawin	→	ŋawin
	kope?	-	ŋope?	→	ŋope?
N- +	panciŋ	-	manciŋ	→	manciŋ

### Aspek Sintaksis

Orang Melayu Kokos amat gemar menggunakan bentuk yang disebut kasus milik (*possessive case*) misalnya *dia punya*. Dalam bahasa Melayu Kokos, pada umumnya ayat-ayat yang diujarkan oleh penuturnya didapati tidak berstruktur dan terdapat juga ayatnya bercampur aduk, menggunakan ayat yang panjang, dan menyebut sesuatu perkataan atau frasa secara berulang-ulang. Kebanyakan ayat yang diujarkan berbentuk bahasa pasar. Fenomena yang sama juga terdapat dalam bahasa tulisan, baik tulisan yang dihasilkan oleh warga Melayu Kokos mahupun tulisan yang terpapar pada papan notis dan juga dalam bahan tercetak seperti risalah rasmi yang diterbitkan dalam *Taman Negara Pulu Keeling*. Daripada sudut ortografi juga memperlihatkan kesilapan dan ketidakselarasan ejaan, dan terpengaruh dengan ejaan Inggeris kerana masih belum ada lagi kata khusus atau istilah yang tercipta dalam bahasa Melayu dalam bidang-bidang tertentu.

## KESIMPULAN

Dari sudut bahasa, tidak banyak kelainan yang wujud dalam kalangan orang Melayu Kokos dahulu dan kini, sama ada daripada aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Fenomena yang agak jelas ialah pengaruh unsur-unsur leksikal bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu Kokos, dan beberapa perkataan yang dipengaruhi bahasa Belanda dan Portugis. Fenomena yang ketara ialah pengaruh dialek Jakarta dalam pertuturan orang Melayu Kokos. Dengan kedatangan orang Melayu dari Singapura ke Pulau Kokos melalui perkahwinan, warga jati Kokos mempelajari dan mengenali banyak kosa kata baharu. Dengan kemajuan teknologi dan komunikasi hari ini, di samping pendidikan arus perdana yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Australia, tidak terkecuali di Pulau Kokos, didapati berlakunya anjakan bahasa daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris. Fenomena ini jelas dialami oleh golongan muda. Namun, usaha melestarikan penggunaan bahasa Melayu Kokos terus diusahakan oleh warga emas dengan menggalakkan ahli keluarga bertutur dalam bahasa Melayu di rumah dan juga dalam kegiatan kemasyarakatan dan keagamaan.

Bahasa Melayu yang dituturkan oleh anggota masyarakat Melayu Kokos ini lebih memperlihatkan ciri-ciri bahasa Melayu pasar (Adelaar, 1995), iaitu bahasa Melayu rendah (Nothofer, 2006) seperti penggunaan kata *bikin*, *sama dia*, *tukang*, *kita orang* punya, dan sebagainya. Pertembungan bahasa juga telah membawa pelbagai kesan yang positif dan negatif terhadap bahasa Melayu Kokos. Antara kesan negatif ialah gangguan bahasa, iaitu penggunaan sistem bahasa lain ke atas bahasa Melayu Kokos, dan penukaran kod atau “peralihan kod” (Awang Sariyan, 2004:2) yang memperlihatkan gejala bertukar antara bahasa Inggeris khususnya kata dan frasa, dengan bahasa Melayu Kokos secara berselang seli dalam ujaran. Daripada sudut positifnya, bahasa Melayu Kokos yang selama ini terhad bilangan kosa katanya telah dapat menambahkan jumlah dan memperkaya bahasa itu sendiri melalui peminjaman leksikal bahasa Inggeris, Portugis, dan sebagainya. Demikian status bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia pada awal abad ke-19 sehingga kini.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 2005 *Linguistik Am Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: PTS Profesional.
- Adelaar, K. Alexander, 1995. "Malay in the Cocos (Keeling) Islands". Kertas kerja dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Kuala Lumpur, 1995.
- Adelaar, K. Alexander. *Proto Malayic; The Reconstruction of Its Phonology and Part of Its Lexicon and Morphology*. Pacific Linguistics C-119. Canberra: Department of Linguistics, Australian National University, 1992.
- Aitchison, Jean, 1991. *Language Change: Progress or Decay?* Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar, 2005. *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Asmah Haji Omar, 2006. *Bahasa Melayu di Samudera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, "Bahasa dan Budaya Melayu Kokos: Suatu Perkenalan" dlm. *Jurnal Peradaban Melayu*. 2: 72 – 95, 2004.
- Asmah Haji Omar. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2002. *Ceritera Tentang Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia* (Siri Bicara Bahasa Bil.14). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan, 2001. *Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia: Pemenuhan Suatu Idealisme* (Siri Bicara Bahasa Bil.3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan, 2005. "Persepsi Keturunan Jawa di Malaysia Terhadap Bangsa Jawa di Tanah Induknya dalam Konteks Keserumpunan Tamadun" dlm *Sama Serumpun*, Asmah Haji Omar (peny.). Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan, 2004. *Sekitar Isu 'Bahasa Rojak': Punca, Kesan, dan Kaedah Menanganinya* (Siri Bicara Bahasa Bil.18). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Bahasa Pulu Cocos A Dictionary of the Language for the Cocos (Keeling) Islands*. Fremantle: MBE Fremantle, [n.d.]
- Blust, Robert A., 1988. *Austronesian Root Theory: An Essay on the Limits of Morphology*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Bogdan, R.C. dan Biklen, S.K., 1998. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.

- Bunce, Pauline, 1993. *Kepulauan Cocos (Keeling) Masyarakat Melayu Di Australia*. Diterjemah oleh Padilah Haji Ali. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K., 2003. *Sociolinguistic Theory, Linguistic Variation and Its Social Significance*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Collins, James T., 1980. *Ambonese Malay and Creolization Theory*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T., 1983. *The Historical Relationships of the Languages of Central Maluku, Indonesia Pacific Linguistics D47*. Canberra: The Australian National University.
- Collins, James T., 1998. *Malay, World Language A Short History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Collins, James T., 1995. Pulau Borneo Sebagai Titik Tolak Pengajian Sejarah Bahasa Melayu, *Jurnal Dewan Bahasa*, 39: 868 – 879.
- Collins, James T., 1996. “Bahasa Melayu Abad Ke-17: Ciri-ciri Sosiolinguistik” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:5, hlm. 388 – 406.
- Croll, Greg, 2003. *Pulu Cocos Saya (My Cocos Island)*. Translated by Siti Yaserie. Australia: CKI Economic Development Association.
- Crystal, David, 2000. *Language Death*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Current Trends in Linguistics Vol. II Linguistics in East Asia and South East Asia*. The Hague: Mouton, 1967.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S., (1994). “Method of Collecting and Analyzing Empirical Materials” dlm. *Collecting and Interpreting Qualitative Materials*. London: SAGE Publications.
- Downes, William, 1998. *Language and Society*. Cambridge. Cambridge University Press.
- Fishman, Joshua A., “Language Maintenance and Language Shift As Fields of Inquiry” dlm. *Linguistics* 9, hlm. 32 – 70, 1964.
- Gibson-Hill, C.A., “Notes on the Cocos-Keeling Island” dlm. *JMBRAS*. 20:2, hlm.140 – 202, 1947.
- Gibson-Hill, C.A., “Documents Relating to John Clunies-Ross, Alexander Hare and the Establishment of the Colony on the Cocos-Keeling Islands” dlm. *JMBRAS*. 25:4 – 5, hlm. 1 – 306, 1952.
- Gibson-Hill, C.A., “John Clunies-Ross and Alexander Hare, Merchant” dlm. *JMBRAS* 25, 1952a.
- Glesne, C. & Peshkin, A., 1992. *Becoming Qualitative Reseachers: An Introduction*. New York: Longman.
- Hallinger, P. & McCary, C.E., “Developing the Strategic Thinking of Instructional Leaders” dlm. *Elementary School Journal*, 91:12, hlm. 89 – 107, 1990.
- Hymes, Dell, 1966. “Linguistics and Language Planning” dlm *Sosiolinguistics*. The Hague: Mouton.



- Hymes, Dell, 1968. *Sociolinguistics, Language Sciences*. [n.p.].
- Hymes, Dell, 1971. *Sociolinguistic and the Ethnography of Speaking*. London: Tavis Stock.
- Kamus Dewan. Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- López, C. Carolina, "The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions" dlm. *Sari*. 19, hlm. 3 – 33, 2001.
- Morris, Richard B., "East India Company" dlm *The New Book of Knowledge*. New York: Grolier, 1974.
- Nik Safiah Karim, 1981. *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani, "Pencampuran Kod dan Konsepnya" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 43:3, hlm. 196 – 204, 1999.
- Nor Hashimah Jalaluddin, et. al., 2005. *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nothofer, Bernd, "Migrasi Orang Melayu Purba: Kajian Awal" dlm. *Sari* 14, hlm. 33 – 53, 1996.
- Patton, Michael Quinn, 2002. *Qualitative Research and Evaluation Methods*. Third Edition. London: Sage Publications, 2002.
- Raja Masittah Raja Ariffin, "Keluarga Bahasa Austronesia: Hipotesis Klasifikasi Berdasarkan Ciri-ciri Fonologi, Morfologi, dan Sintaksis" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 40:10, hlm. 881 – 894, 1996.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 1999. "*Bahasa Melayu dalam Naskhah Melayu Terpilih*". Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Raja Masittah Raja Ariffin, "Menjejaki Bahasa Melayu Di Pulau Kokos" dlm. *Dewan Bahasa* 4:9, hlm. 42 – 45, 2004.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2005. "Rumpun Melayu di Pulau Kokos: Suatu Persepsi" dlm. *Sama Serumpun* Asmah Haji Omar (ed.). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2006. "Orang Melayu di Katanning", dlm. *Pelita Bahasa*, 18:6, hlm. 40 – 41, 2006.
- Teo Kok Seong, "Peminjaman Bahasa" dlm. *Pelita Bahasa* 8:12, hlm. 40 – 53, 1996.
- Taylor, S.J. & Bogdan, R., 1998. *Introduction to Qualitative Reseach Method*. Third Edition. New York: John Wiley & Sons.
- Wan Hashim Wan Teh dan A. Halim Ali. *Rumpun Melayu Australia Barat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.
- Wilderman (1993). [Qualitative Research Methods]. [n.p.]
- Wilkinson, R.J. (ed.), 1971. *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O., 1984. *Malaya and its History*. Kuala Lumpur: Marican and Sons.
- Winstedt, R.O., 1981. *The Malays: A Cultural History*. Singapore: Graham Brash.